



**TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN  
MEDIA PRIMA**

Sumbangan anda boleh disalurkan melalui:

**Bank Muamalat** بنك معاملات  
Khidmat (24h) berik, bersewa

**MAYBANK**

**1401 0008 8447 15**      **5642 7651 0331**

*Omnia* **BANGSAUAN TELEVISION** **NSTP** **BIG TREE** **media prima audio** **REV**  
MEDIA GROUP


[www.mediaprima.com.my](http://www.mediaprima.com.my)

# PDRM jamin pertingkat kawalan keselamatan PM

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi jaminan akan mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim susulan pendedahan beliau semalam, berhubung banyak ugutan diterimanya kerana lantang bersuara dalam isu Palestin.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata pihaknya tidak akan berkompromi terhadap perkara itu.

"Kawalan keselamatan terhadap Perdana Menteri menjadi



*Razarudin Husain*

keutamaan kita," katanya ringkas ketika dihubungi, semalam.

Beliau bagaimanapun berkata ugutan terbabit mungkin melibatkan soal ekonomi atau sektor lain seperti eksport negara.

Razarudin berkata demikian ketika diminta mengulas tentang pendedahan

Anwar bahawa beliau menerima banyak ugutan dari negara luar susulan ketegasan Malaysia mempertahankan nasib rakyat Palestin.

Kelmarin, Anwar ketika menyampaikan amanat pada Him-

punan Malaysia Bersama Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil di sini, turut berkata Malaysia akan kekal bebas dan terus mempertahankan kebebasan negara dan memperjuangkan kebebasan rakyat Palestin.

Himpunan dihadiri lebih 16,000 rakyat Malaysia pelbagai latar belakang, bangsa dan agama itu bertindak umpama 'pembesar suara' bagi menunjukkan sokongan Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin dan menekan tindakan kejam Israel.

Razarudin berkata, perhimpunan itu berlangsung dalam keadaan terkawal dengan membabitkan lebih 300 anggota polis.

BERNAMA